

PRULink Equity Plus Fund

All data is as of 28 February 2022 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至于2022年2月28日的数据

Semua data seperti pada 28 Februari 2022 melainkan jika dinyatakan



Listening. Understanding. Delivering.

Objective / 目标 / Objektif Dana

PRULink Equity Plus Fund ("the Fund") aims to maximise long-term returns through investing into a portfolio of domestic and foreign assets including equities, equity related securities, deposits, currencies, derivatives or any other financial instruments directly, and/or indirectly through the use of any funds such as investment-linked funds set up by us, collective investment schemes and/or exchange traded funds.


PRULink Equity Plus 基金 ("本基金") 旨在透过直接和/或间接使用由我们设立的投资连结基金、集体投资计划和/或交易所交易基金等任何基金，投资于包含股票、股票相关证券、存款、货币、衍生工具或任何其他金融工具的国内外资产组合，以达致最大化长期收益。

PRULink Equity Plus Fund ("Dana") bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka panjang dengan melabur dalam portfolio aset-aset domestic dan asing termasuk ekuiti, sekuriti berkaitan ekuiti, deposit, mata wang, derivatif atau manamana instrumen kewangan yang lain secara langsung, dan/atau tidak langsung menerusi penggunaan mana-mana dana seperti dana-dana berkaitan pelaburan yang kami tubuhkan, skim pelaburan kolektif dan/atau pertukaran dana yang diniagakan.

Fund Details / 基金详情 / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / 投资经理 / Pengurus Pelaburan	Eastspring Investments Berhad 瀚亚投资有限公司
Inception Date / 基金设立日 / Tarikh Diterbitkan	17/10/2020
Current Fund Size / 目前所管理的基金数额 / Saiz Dana Terkini	RM64,329,989.37
Annual Fund Management Charge / 常年管理费 / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.50%
Current NAV / 目前的净资产值 / NAB Terkini	RM0.51477

How the Fund has performed / 基金表现 / Prestasi Dana



Total Price Movement Over the Following Periods / 各期限总价差 / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut


	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / 价差 / Pergerakan Harga	1.53%	0.20%	-1.89%	2.12%	NA	NA	2.95%
Benchmark / 基准指标 / Penanda Aras	3.52%	1.79%	-2.64%	-0.76%	NA	NA	3.03%
Outperformance / 表现对比 / Perbezaan Prestasi	-1.99%	-1.59%	0.75%	2.88%	NA	NA	-0.08%

Source / 资料来源 / Sumber: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 28 February 2022

For more information on benchmark kindly refer to / 有关基准的更多详情，请参考 / Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari www.bursamalaysia.com/market and www.msci.com

Where the Fund invests

基金投资所在
Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation
资产配置 / Peruntukan Aset

	% NAV
1 PRULink Strategic Fund	73.43
2 PRULink Global Strategic Fund (Hedging)	26.55
3 Cash, Deposits & Others	0.02

PRULink Global Strategic Fund (with Hedging) Top 10 Holdings / 10大持股 10 Pegangan Teratas

	%
1 Jpmorgan Liquidity Funds - US Dollar Liquidity Fund	8.00
2 Apple Inc	2.00
3 Ishares Edge MSCI Usa Value Factor Ucits Etf	2.00
4 Microsoft Corporation	2.00
5 Ishares MSCI Korea	1.80
6 Ishares Core MSCI Japan Imi Ucits Etf	1.60
7 Ishares Core MSCI Pacific Ex Japan Ucits Etf	1.60
8 Xtrackers MSCI Europe Ucits Etf	1.40
9 US Global Jets Ucits Etf Acc	1.20
10 First Trust Nasdaq Cybersec Ucits Etf A USD Acc	1.10

PRULink Strategic Fund Top 10 Holdings 10大持股 / 10 Pegangan Teratas

	%
1 Malayan Banking Berhad	8.15
2 Public Bank Berhad	7.14
3 CIMB Group Holdings Berhad	6.60
4 Axiata Group Berhad	2.99
5 IHH Healthcare Berhad	2.89
6 Inari Amertron Berhad	2.27
7 Ppb Group Berhad	2.24
8 RHB Bank Berhad	2.17
9 Digi.Com Berhad	2.03
10 Telekom Malaysia Berhad	1.99

All data is as of 28 February 2022 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2022年2月28日的数据

Semua data seperti pada 28 Februari 2022 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / 每月简报 / Peningkatan Bulanan

Market Review / 市场回顾 / Tinjauan Bulanan

Global Equity / 全球股市 / Ekuiti Global

Global markets continued to face headwinds in February. The escalating conflict between Russia and Ukraine dominated headlines, further heightening the ongoing inflationary pressures and building on the weaker sentiment earlier in the month amid the prospect of the ramp up of interest rates by major central banks. Russia had previously begun to build up troops on its border with the Ukraine, whilst a full-scale campaign began on 24 Feb. with Russian forces striking major Ukrainian cities including the capital Kyiv. The Western countries announced a range of sanctions and restrictions, including expelling key Russian banks from SWIFT. European and emerging market equities underperformed in this environment, in USD terms, whilst Asia and Japan were relative outperformers.

The US market delivered -2.9% in February, as it faces economic risks and uncertainties of higher gasoline prices arising from Russia's invasion of Ukraine. The growing price pressures could compel the Fed to increase interest rates faster to tackle inflation. Despite that, the US economy seemed to be rebounding from a winter surge of COVID-19 infections. US factory activity picked up in February due to strong demand and improving supply chain bottlenecks, with its manufacturing PMI rising from 55.5 in January to 57.3 in February.

Asia Pacific ex Japan markets returned -1.1% in USD terms in February. China and Hong Kong equities returned -3.9% and -2.8% in USD terms respectively over the same period, amid the sporadic COVID-19 outbreaks within the countries. Despite that, China's manufacturing PMI slightly improved from 50.1 in January to 50.2 in February, following the rising demand and expectations for further stimulus measures to be announced in the first week of March. Meanwhile, Taiwan equities delivered -2.5% in USD terms in February as the ongoing Russia-Ukraine crisis has instilled fears that Beijing could also invade the island.

ASEAN markets were among the outperformers in February, significantly outperforming both Emerging markets and Emerging Markets Asia. The gains were led by Indonesia and Malaysia markets. The Indonesia market saw strong foreign inflows due to MSCI rebalancing.

In other markets, Australia returned 6.0% and Japanese equities returned -1.2% on a USD basis during the month.

全球股市继续于2月份面临逆风。俄罗斯和乌克兰之间不断升级的冲突占据了头条新闻，进一步加剧持续的通胀压力，使月内早些时候因主要央行可能加息而走弱的投资情绪雪上加霜。此前，俄罗斯开始在接壤乌克兰边境集结军队，并于2月24日升级为全面战争；俄罗斯军队袭击了包括乌克兰首都基辅在内的主要城市。西方国家宣布了一系列制裁和限制措施，包括将俄罗斯主要银行从SWIFT系统中剔除。在这种环境下，以美元计价的欧洲和新兴市场股市表现不佳，亚洲和日本走势相对较好。

美国市场于2月份下跌-2.9%，归咎于俄罗斯入侵乌克兰导致汽油价格上涨带来的经济风险和不确定性。价格压力不断增长可能会迫使美联储更快加息以应对通胀。尽管如此，美国经济似乎正从冬季的COVID-19感染率激增中反弹。由于需求强劲和供应链瓶颈改善，美国2月份工厂活动有所回升；制造业采购经理人指数从1月份的55.5走高至2月份的57.3。

亚太除日本市场2月份以美元计下跌-1.1%。中国和香港爆发零星的新型冠状病毒个案，拖累股市同期内以美元计分别走低-3.9%和-2.8%。尽管如此，中国制造业采购经理人指数从1月份的50.1轻微走高至2月份的50.2，多谢需求上涨，加上市场预期当局将于3月第一周宣布推出更多刺激措施。与此同时，俄乌危机持续演进引发市场对北京趁机夺台的担忧，台湾股市2月份以美元计价的报酬为-2.5%。

东盟市场2月份表现优异，由印尼和马来西亚领涨，显著跑赢新兴市场 and 亚洲新兴市场。明晟 (MSCI) 进行权重调整，吸引大量外资流入印尼市场。

至于其他市场，澳洲月内以美元计交出6.0%报酬，日本股市则下跌-1.2%。

Pasaran global terus mendepani tantangan pada bulan Februari. Konflik antara Rusia dan Ukraine yang semakin meruncing mendominasi tajuk berita, lalu meningkatkan lagi tekanan inflasi semasa dan menumpukkan lagi sentimen yang lebih lemah pada awal bulan di tengah-tengah prospek kenaikan kadar faedah oleh bank pusat utama. Rusia sebelum ini telah mula mengatur bala tentera di sempadannya dengan Ukraine, manakala kempen berskala penuh bermula pada 24 Februari dengan tentera Rusia menyerang bandar-bandar utama Ukraine termasuk ibu kota Kyiv. Negara-negara Barat mengumumkan pelbagai sekatan dan kekangan, termasuk menyingkirkan bank-bank utama Rusia daripada SWIFT. Ekuiti pasaran Eropah dan pasaran memunculkan berprestasi hambar dalam persekitaran sebegini dari segi USD, manakala Asia dan Jepun mencatat prestasi lebih baik secara relatif.

Pasaran AS mencatatkan pulangan -2.9% pada Februari, kerana ia menghadapi risiko ekonomi dan ketaktentuan harga petrol yang lebih tinggi yang timbul susulan pencerobohan Rusia ke atas Ukraine. Tekanan harga yang semakin meningkat boleh mendesak Fed untuk meningkatkan kadar faedah dengan lebih cepat bagi menangani inflasi. Namun begitu, ekonomi AS nampaknya pulih daripada lonjakan kes jangkitan COVID-19 semasa musim sejuk. Aktiviti perkilangan AS meningkat pada Februari, dipacu permintaan yang kukuh dan kesesakan rantaian bekalan yang bertambah baik, dengan PMI pembuatannya meningkat daripada 55.5 pada Januari kepada 57.3 pada Februari.

Pasaran Asia Pasifik luar Jepun memberikan pulangan -1.1% dalam USD pada bulan Februari. Ekuiti China dan Hong Kong masing-masing memulangkan -3.9% dan -2.8% dalam USD dalam tempoh yang sama, di tengah-tengah penularan wabak COVID-19 yang sporadik di negara-negara tersebut. Sungguhpun demikian, PMI pembuatan China meningkat sedikit daripada 50.1 di bulan Januari kepada 50.2 pada Februari, berikutan peningkatan permintaan dan jangkaan terhadap langkah rangsangan selanjutnya, yang akan diumumkan pada minggu pertama bulan Mac. Sementara itu, ekuiti Taiwan mencatat pulangan -2.5% dalam USD pada bulan Februari berikutan krisis Rusia-Ukraine yang berterusan telah menimbulkan kebimbangan bahawa Beijing juga boleh menyerang pulau tersebut.

Pasaran ASEAN adalah antara pasaran yang mencatat prestasi cemerlang pada Februari, secara ketara mengatasi kedua-dua Pasaran Memunculkan dan Pasaran Memunculkan Asia. Catatan keuntungan diterajui oleh pasaran Indonesia dan Malaysia. Pasaran Indonesia menerima aliran masuk asing yang kukuh disebabkan pengimbangan semula MSCI.

Di pasaran lain, Australia mengembalikan 6.0% manakala ekuiti Jepun mengembalikan -1.2% pada asas USD pada bulan tinjauan.

Malaysia Equity / 大马股市 / Ekuiti Malaysia

Malaysian equity markets closed higher in February despite volatility in global markets due to expectations of the US Federal Reserve tightening and Russia's invasion of Ukraine. Equity markets in Malaysia were buoyed from a rally in the plantation sector benefiting from the record high CPO prices that ended the month at RM7600/MT, whilst Brent crude oil prices hit USD109/bbl. The 4Q21 results season was stronger than expected as corporates benefitted from higher commodity prices (CPO and crude oil) and better sales following the lifting of the interstate travel ban in Oct 2021.

The FBMKLCI Index gained 96.01 points in February to close at 1,608.28 points, up 6.35%. The FBM Small Cap index gained 5.33% for the month but

All data is as of 28 February 2022 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2022年2月28日的数据

Semua data seperti pada 28 Februari 2022 melainkan jika dinyatakan

underperformed the FBMKLCI Index.

尽管全球市场因美联储收紧政策预期和俄罗斯入侵乌克兰而走势波动，马来西亚股市于2月份收高，多谢种植领域涨势推动。原棕油价格以每公吨7600令吉的历史新高结束检讨月份下的交易，布伦特原油价格也触及每桶109美元的水平；激励种植领域高奏凯歌。2021年第四季度业绩季节表现较预期强劲，归功于企业在原棕油和原油等商品价格走高下受惠，以及销售在跨州限制于2021年10月取消后提高。

富时隆综指于2月份起96.01点或6.35%，以1,608.28点挂收。富马小资本指数月内上涨5.33%，但跑输隆综指。

Pasaran ekuiti Malaysia ditutup lebih tinggi pada bulan Februari walaupun volatiliti di pasaran global yang disebabkan oleh jangkaan pengetatan Rizab Persekutuan AS dan pencerobohan Rusia ke atas Ukraine. Pasaran ekuiti di Malaysia disokong oleh peningkatan sektor perladangan yang mendapat manfaat daripada harga rekod minyak sawit mentah (CPO) yang berakhir pada bulan tersebut pada RM7600 setan metrik, manakala harga minyak mentah Brent mencecah USD109 setong. Pelaporan perolehan 4Q21 lebih mantap daripada yang dijangkakan apabila sektor korporat mendapat manfaat daripada harga komoditi yang lebih tinggi (minyak sawit mentah dan minyak mentah) dan jualan yang lebih baik berikutan penarikan larangan perjalanan rentas negeri mulai Oktober 2021.

Indeks FBMKLCI menokok 96.01 mata pada bulan Februari lalu ditutup pada 1,608.28 mata, naik 6.35%. Indeks FBM Small Cap meningkat 5.33% dalam bulan tinjauan tetapi tidak mengatasi Index FBMKLCI.

Market Outlook / 市场展望 / Gambaran Bulanan

Global Equity / 全球股市 / Ekuiti Global

As we progress into 2022, market volatility seems likely to persist in the near term. Since the onset of Russia's invasion of Ukraine, market participants appeared to be focusing more on the negative growth implications than inflation risks, lowering their bets on rate hikes and increasing haven allocations. With emerging signs that financial conditions are starting to tighten, among other factors, the flight to safety could continue for some time.

Geopolitical turbulence notwithstanding, the Federal Reserve and other major monetary authorities still appear intent on pushing ahead with tighter policy. Fed Chair Jerome Powell said in early March that he would back a quarter-point rate increase when the central bank meets later in the month, while staying ready to tighten monetary policy more aggressively depending on effects of the Ukraine war and other developments.

Valuations in global markets have receded from previous highs, and global share prices have been volatile with uncertainties around the conflict between Russia and Ukraine as well as rising concerns around stagflation given disruption in the oil and broader commodities supply chains. Though Asian valuations remain cheap relative to other regional markets, we remain cognisant of the impact of the deepening Ukraine-Russia crisis, US Federal Reserve's interest rate policy, and commodity price inflation, which are contributing drivers of global volatility.

Control of the pandemic and vaccine roll-out are well underway in many markets, though new virus strains like the Omicron coronavirus variant continue to disrupt many economies, meaning that global tourism and service-related sectors are still facing headwinds. There are also fears that corporate earnings have peaked, and that growth is slowing globally. This mixed picture suggests choppiness in the near-term.

迈入2022年，市场看来料在短期内持续波动。自俄罗斯入侵乌克兰以来，市场参与者似乎更加关注负面增长带来的影响，更甚于通胀风险；使投资者降低了对加息的押注，而提高避险资产的配置。除其他因素外，金融状况出现开始收紧的迹象，避险趋势可能会持续一段时间。

尽管地缘政治动荡，美联储和其他主要货币当局看来仍有意推进政策收紧。美联储主席杰罗姆·鲍威尔3月初表示将支持在月内晚些时候召开的央行会议上加息25个基点，同时有赖于乌克兰战争和其他事态发展的影响，该局正准备更积极地收紧货币政策。

全球市场估值已从之前的高点回落，同时全球股价走势波动；俄罗斯和乌克兰之间的冲突存在不确定性，以及石油和更广泛大宗商品供应链中断加剧了市场对通胀的担忧。尽管亚洲估值相对于其他区域市场仍然低廉，我们仍然认识到俄乌危机恶化、美联储利率政策和商品价格通胀的影响，将是全球市场波动的驱动因素。

奥密克戎（Omicron）等新病毒株持续扰乱许多经济体之际，很多市场的大流行控制和疫苗推广工作正顺利进行；意味着全球旅游和服务相关行业仍面临逆风。此外，投资者担心企业盈利已经见顶，全球增长正放缓。这种喜忧参半的情况显示，市场短期内料继续波动。

Sementelah kita menelusuri tahun 2022, volatiliti pasaran berkemungkinan akan berterusan dalam tempoh terdekat. Sejak bermulanya pencerobohan Rusia ke atas Ukraine, peserta pasaran kelihatan lebih menumpukan perhatian kepada implikasi pertumbuhan negatif berbanding risiko inflasi, menurunkan pertaruhan mereka terhadap kenaikan kadar dan meningkatkan peruntukan yang selamat. Dengan kemunculan tanda-tanda bahawa keadaan kewangan akan mula mengetat, antara faktor lain, peralihan kepada zon selamat boleh berterusan bagi satu tempoh yang lama.

Walau apa pun pergolakan geopolitik, Fed dan pihak berkuasa monetari utama lain kelihatan masih lagi berhasrat untuk menerapkan dasar yang lebih ketat. Pengerusi Fed Jerome Powell berkata pada awal Mac bahawa beliau akan menyokong kenaikan kadar suku mata apabila bank pusat bermesyuarat pada akhir bulan ini, di samping bersiap siaga untuk mengetatkan dasar monetari secara lebih agresif, bergantung kepada kesan perang Ukraine dan perkembangan lain.

Penilaian dalam pasaran global telah surut daripada paras tertinggi sebelumnya, manakala harga saham global yang tidak menentu diilingkari ketaktentuan konflik antara Rusia dan Ukraine serta kebimbangan tentang stagflasi yang semakin meningkat berikutan gangguan rantaian bekalan minyak dan komoditi yang lebih meluas. Walaupun penilaian Asia kekal murah berbanding pasaran serantau yang lain, kami tetap menyedari impak krisis yang semakin mendalam, dasar kadar faedah Rizab Persekutuan AS dan inflasi harga komoditi yang menyumbang kepada pemacu volatiliti global.

Kawalan ke atas pandemik berserta pelancaran vaksin sedang giat dijalankan di banyak pasaran, walaupun strain virus coronavirus baharu seperti varian Omicron terus mengganggu banyak ekonomi, yang bermakna pelancongan global dan sektor berkaitan perkhidmatan masih mendepani tantangan. Terdapat juga kebimbangan tentang pendapatan korporat telah pun mencapai kemuncaknya, dan pertumbuhan memperlambatkan. Gambaran bercampur-campur ini menunjukkan keadaan bergelombang dalam jangka masa terdekat.

Malaysia Equity / 大马股市 / Ekuiti Malaysia

The resulting impact of the Ukraine-Russia conflict of higher commodity prices would have been slight positive for Malaysia given that Malaysia is a net oil exporting country and one of the larger exporters of crude palm oil. However, the flip side is the government finances which will be stretched even more with the much higher fuel subsidies they will now need to provide given the capped prices of RON95 and subsidized diesel prices offered at the pump. Reopening has been on track as more restrictions are being slowly lifted but continued high new Covid-19 cases daily will be a dampener on consumer behavior. Recurring destructive flood incidences in Malaysia will be negative for long term investments. Politics will remain in the limelight with the upcoming Johor State Elections, which could well have a bearing on

All data is as of 28 February 2022 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2022年2月28日的数据

Semua data seperti pada 28 Februari 2022 melainkan jika dinyatakan

how early the GE15 will be called. Nevertheless, the recent market corrections may provide an opportunity to accumulate fundamentally strong stocks at better valuations.

鉴于马来西亚是石油净出口国和较大的原棕油出口国之一，乌克兰-俄罗斯冲突导致商品价格上涨为大马带来轻微的利好效益。然而，另一方面，政府财政将更加捉襟见肘；在政府为RON95汽油设定了顶价并提供柴油价格补贴的情况下，它目前需要提供更高的燃料补贴。随着更多限制逐渐解除，重新开放已步入正轨，但每天持续高企的Covid-19新增病例将抑制消费者行为。大马经常发生破坏性的严重水灾事件将对长期投资产生负面影响。柔佛州即将迎来州选举，使政治继续成为焦点；此发展第15届全国大选举行的时间息息相关。尽管如此，最近的市场调整或提供了良机，让投资者以最佳的估值积累基本面强劲的股票。

Impak harga komoditi lebih tinggi yang terhasil daripada konflik Ukraine-Rusia sedikit positif bagi Malaysia memandangkan Malaysia merupakan negara pengeksporth minyak bersih dan salah satu pengeksporth minyak sawit mentah yang lebih besar. Walau bagaimanapun pada sisi lain, kewangan kerajaan akan lebih meregang susulan subsidi bahan api yang lebih tinggi yang perlu disediakan sementelah harga RON95 yang dihadkan dan harga diesel bersubsidi yang ditawarkan di stesen pam minyak.

Pembukaan semula berada di landasan berikutan lebih banyak sekatan sedang ditarik balik secara perlahan-lahan tetapi kelangsungan kes baru Covid-19 setiap hari akan menjadi penebat tingkah laku pengguna. Insiden banjir buruk yang berulang kali di Malaysia akan menjadi unsur negatif bagi pelaburan jangka panjang. Politik akan kekal menarik perhatian menjelang pilihan raya negeri Johor tidak lama lagi, yang dapat memberi petunjuk kepada seberapa awal PRU15 akan diumumkan. Namun begitu, pembetulan pasaran baru-baru ini boleh menyediakan peluang untuk mengumpulkan stok yang ampuh dengan penilaian yang lebih baik.

Fund Review & Strategy / 基金表现评论与投资策略 / Tinjauan dan Strategi Dana

The Fund returned 1.53% for the month, underperforming the benchmark return of 3.52% by 1.99%. Year-to-date, the Fund returned -1.95%, underperforming the benchmark return of -0.82% by 1.13%.

For the month under review, the Fund's underperformance was mainly due to stock selection effect of underlying local fund, where underweight in Press Metal and Petronas Chemical, as well as zero exposure in the plantations sector which rebounded strongly in February detracted. Overall asset allocation effect was negative as the underweight call on local equities relative to global equity detracted.

As at end-February 2022, the Fund has 73.4% exposure in local equity and 26.6% in foreign equity (versus Neutral position of 80:20 local equity:foreign equity). Near term, notwithstanding geopolitical concerns, the Fund is neutral on Malaysia relative to global equities on the back of expectations that Malaysia will be less impacted during this period of uncertainty.

此基金于月内录得1.53%回酬，较回酬为3.52%的基准逊色1.99%。年度至今，基金的回酬是-1.95%，跑输提供-0.82%回酬的基准1.13%。

检讨月份下，基金表现落后主要归咎于所投资本地基金的选股效应，包括减持齐力工业（Press Metal）和国油化学（Petronas Chemical）；以及零持有2月份强劲反弹的种植领域。相对于全球股市，在本地股市的减码部署导致整体资产配置效应负面。

截至2022年2月底，此基金在本地股票的投资比重为73.4%，外国股票的是26.6%（对比80:20本地：国外股票的中和部署）。近期，尽管存在地缘政治问题，但由于预期马来西亚在这段不确定时期受到的影响较小，因此相对于全球股市，此基金对马来西亚持中和立场。

Dana memberikan pulangan 1.53% dalam bulan tinjauan, tidak mengatasi pulangan penanda aras 3.52% sebanyak 1.99%. Sejak awal tahun hingga bulan tinjauan, Dana memulangkan -1.95%, tidak mengatasi pulangan penanda aras -0.82% sebanyak 1.13%.

Bagi bulan yang ditinjau, prestasi rendah Dana disebabkan terutamanya oleh kesan pemilihan stok dana tempatan pendasar yang kekurangan pegangan dalam Press Metal dan Petronas Chemical, serta pendedahan sifar dalam sektor perladangan yang melonjak dengan kukuh pada Februari menjejaskan prestasi. Keseluruhan kesan peruntukan aset adalah negatif kerana pendekatan kekurangan pegangan ke atas ekuiti tempatan berbanding ekuiti global menjejaskan prestasi.

Setakat akhir Februari 2022, Dana mempunyai 73.4% pendedahan dalam ekuiti tempatan dan 26.6% dalam ekuiti asing (berbanding kedudukan Neutral 80:20 ekuiti tempatan:ekuiti asing). Menurut jangka terdekat, walaupun terdapat kebimbangan geopolitik, Dana neutral terhadap Malaysia berbanding ekuiti global berdasarkan jangkaan bahawa Malaysia akan kurang terjejas dalam tempoh ketidakpastian ini.

Source / 资料来源 / Sumber: Fund Commentary, February 2022, Eastspring Investments Berhad

Disclaimer

All data is as of last valuation date of the month.

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. Prudential Investment-linked products are not Shariah-compliant products. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of any discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail. In case of discrepancy between the English, Bahasa Malaysia and Mandarin versions of this fact sheet, the English version shall prevail. The fund fact sheet of the Target Fund will be available at www.prudential.com.my.

任何投资皆涉及投资风险，包括本金的损失。单位的价值可能会扬升也会走低。基金和基金经理过往的表现不可视为未来表现的指标。上述所示的回酬并不反映您投资的真实回酬（后者取决于您的保费分配率与费用）。您所投资的保费的真实回酬将根据有关投资联结基金的表现而定。保诚投资联结保险产品系列并非符合回教法典的产品。您保费投资的真实回酬可能会低于上述回酬。本册子只供说明之用。欲进一步了解条款与细则，请参考保单文件。如何投资于这些基金的资料则载于产品册子。如果本说明书的资料与保单文件有所出入，将以保单文件者为准。若说明书的英文、马来文和中文版有差异则以英文版为准。有关目标基金的基金说明书，请浏览 www.prudential.com.my。

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Produk berkaitan pelaburan Prudential bukan merupakan produk yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad. Jika terdapat perbezaan di antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina bagi helaian fakta ini, versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad. Lembaran Fakta Dana untuk Dana Sasaran akan tersedia di www.prudential.com.my